

KEBIJAKSANAAN ADAB MELAYU DALAM *HIKAYAT HANG TUAH*: KERIS SEBAGAI CERMINAN MASYARAKAT BERILMU

*THE WISDOM OF MALAY ETIQUETTE IN THE HIKAYAT HANG TUAH: THE KERIS AS A
REFLECTION OF AN ENLIGHTENED SOCIETY*

Muzaffar MOHD ZAFRI¹

Rahimah HAMDAN^{2*}

Arba'ie SUJUD³

Abdul Mua'ti @ Zamri AHMAD⁴

^{1,2,3} Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, Jalan
Universiti 1, 43400 Serdang, Selangor, Malaysia.

⁴ Jabatan Komunikasi, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi,
Universiti Putra Malaysia, Jalan Universiti 1, 43400 Serdang, Selangor, Malaysia.

¹gs59560@student.upm.edu.my

²rahimahh@upm.edu.my

³arbaie@upm.edu.my

⁴abmuati@upm.edu.my

*Corresponding author**

Received: 17th January 2025

Accepted: 23th April 2025

ABSTRAK

Keris merupakan simbol atau cerminan budaya yang amat signifikan kepada masyarakat di Alam Melayu. Keris tidak hanya dilihat sebagai senjata, tetapi sebagai alat yang mengandungi nilai simbolik dan spiritual yang mendalam. Namun, wujud unsur mistik yang sering dikaitkan dengan keris sehingga menyebabkan perspektif negatif sinonim dengan warisan budaya ini. Persoalannya, adakah cerminan keris menurut masyarakat Melayu tradisional? Apakah wujud kaitan antara adab dan ilmu dalam penggunaan keris? Kajian-kajian lalu telah menimbulkan jurang ilmu yang ketara terutamanya dalam mengangkat keris sebagai cerminan budaya masyarakat yang beradab dan berilmu. Hal ini menjustifikasikan kajian ini dilakukan dengan dua objektif kajian, iaitu untuk menganalisis kebijaksanaan adab menerusi penggunaan keris dalam *Hikayat Hang Tuah* dan untuk merumuskan keris sebagai cerminan masyarakat berilmu dalam karya tersebut. Metodologi kajian ini menggunakan kaedah analisis teks terhadap karya magnum opus *Hikayat Hang Tuah*. Pendekatan yang dipilih adalah konsep kebijaksanaan adab oleh Muhd Norizam Jamian dan Zubir Idris (2019) berasaskan kerangka pemikiran adab oleh Syed Muhammad Naquib Al-Attas. Kajian ini memfokuskan kepada unsur-unsur kebijaksanaan adab, terutamanya aspek ilmu yang terdapat dalam *Hikayat Hang Tuah*. Dapatan kajian menunjukkan bahawa keris bukan sahaja berfungsi sebagai senjata, tetapi mencerminkan penguasaan ilmu dan kebijaksanaan adab oleh masyarakat Melayu, khususnya dalam konteks keperibadian Hang Tuah sebagai pahlawan Melayu tersohor. Kajian ini memberikan justifikasi pentingnya kefahaman yang lebih mendalam tentang keris yang bertanggungjawab membentuk adab, pemikiran dan budaya

masyarakat Melayu. Kajian ini dapat menyumbang kepada pemahaman peranan keris sebagai senjata yang signifikan khususnya ke arah pembentukan generasi muda yang berkualiti.

Kata Kunci: kebijaksanaan adab; masyarakat Melayu; *Hikayat Hang Tuah*; keris; ilmu

ABSTRACT

The keris holds deep cultural significance in the Malay world. It is not merely a weapon but a symbol laden with profound spiritual and cultural values. Unfortunately, its association with mysticism has often overshadowed its true meaning, leading to negative perceptions of this cultural heritage. This raises important questions: how does the keris reflect the worldview of traditional Malay society? Is there a connection between etiquette (adab) and knowledge in the use of the keris? Previous studies have left a significant gap in understanding the keris as a reflection of a cultured and enlightened society. This study aims to address this gap by pursuing two objectives: to analyze the wisdom of adab through the keris in *Hikayat Hang Tuah* and to establish its role as a symbol of an enlightened society in the text. The methodology involves textual analysis of the magnum opus *Hikayat Hang Tuah*, employing the concept of adab wisdom as articulated by Muhd Norizam Jamian and Zubir Idris (2019) and grounded in Syed Muhammad Naquib Al-Attas's framework on adab. The study focuses on elements of adab wisdom, particularly the aspect of knowledge, as depicted in *Hikayat Hang Tuah*. Findings reveal that the keris is not merely a weapon but a representation of intellectual mastery and ethical wisdom. Within the narrative, it emerges as a symbol of strength—physical, moral, and intellectual—embodied by Hang Tuah, the celebrated Malay warrior. This study underscores the importance of understanding the keris beyond its mysticism, highlighting its role in shaping Malay thought, culture, and adab. Ultimately, it contributes to inspiring a deeper appreciation for the keris as a cultural legacy, particularly in cultivating a generation that values knowledge and wisdom.

Keywords: *wisdom of adab; Malay society; Hikayat Hang Tuah, keris; knowledge*

Pengenalan

Sejarah membuktikan bahawa keris adalah warisan budaya yang signifikan kepada masyarakat Melayu. Senjata ini bukan sekadar alat pertahanan tetapi merangkumi cerminan keilmuan, kebijaksanaan, dan nilai adab yang luhur. Walau bagaimanapun, perkembangan zaman telah menyebabkan nilai keris semakin dipinggirkan dan sering kali ditafsir sebagai objek mistik yang berkait dengan unsur magis (*superstitious*) (Sheppard, 1972). Sekiranya tiada langkah proaktif dilakukan, dikhuatiri perspektif ini dapat menghilangkan nilai warisan yang menjadi cerminan identiti masyarakat Melayu sejak berabad lamanya. Oleh itu, penting untuk mengkaji dan memahami semula peranan keris sebagai lambang keilmuan dan kebijaksanaan adab yang mencorakkan pemikiran masyarakat tradisional. Penelitian terhadap karya agung Melayu seperti *Hikayat Hang Tuah* membuktikan bahawa keris memainkan peranan yang sangat signifikan bukan sahaja sebagai senjata, tetapi satu manifestasi ketinggian nilai ilmu dan adab Melayu menerusi wira Hang Tuah. Sebagai seorang pahlawan yang dikagumi, Hang Tuah dilihat bukan sahaja gagah di medan perang tetapi juga bijaksana dalam pemikirannya. Ini menjadikan Hang Tuah sebagai tokoh yang mencerminkan keperibadian masyarakat Melayu yang berilmu dan beradab (Braginsky, 2004). Secara tidak langsung, fenomena ini menjadikan keris sebagai simbol yang menghubungkan antara dunia fizikal dan nilai rohaniah sekaligus mengukuhkan kedudukannya sebagai lambang kebijaksanaan.

Justeru, kajian ini penting untuk mengetengahkan bahawa masyarakat Melayu tradisional tidak memisahkan antara ilmu dan adab. Kedua-dua elemen ini saling melengkapi dalam membentuk individu Melayu yang sempurna (Al-Attas, 1993). Oleh itu, senjata seperti keris yang banyak dinyatakan dalam naratif Kesusasteraan Epik seperti *Hikayat Hang Tuah* berfungsi sebagai medium untuk mengekspresikan hubungan ini. Senjata ini juga merupakan wahana simbolik yang menggambarkan keseimbangan antara keberanian fizikal dan kebijaksanaan intelektual. Ini bermakna naratif daripada genre ini tidak hanya menonjolkan keris sebagai senjata tetapi juga sebagai cerminan nilai-nilai luhur yang menjadi asas kepada struktur sosial masyarakat Melayu tradisional. Kajian ini menerapkan pemahaman terhadap keris sebagai simbol masyarakat berilmu yang menawarkan perspektif baharu terhadap warisan budaya Melayu. Keris bukan sekadar alat atau hiasan tetapi menyimpan nilai yang boleh menghubungkan generasi kini dengan tradisi ilmu dan adab yang membina peradaban Melayu. Dengan menilai semula kedudukan keris dalam genre Kesusasteraan Epik seperti *Hikayat Hang Tuah*, kajian ini dapat menghidupkan semula penghargaan terhadap warisan budaya ini. Hakikatnya kajian yang memberi perincian kepada simbolisme keris bukan sahaja memperkaya kefahaman kita mengenai budaya Melayu tetapi juga membantu membina kesedaran bahawa warisan tradisional seperti ini masih relevan dalam membentuk nilai masyarakat kini. Kajian ini menggariskan dua objektif, iaitu menganalisis kebijaksanaan adab menerusi penggunaan keris dalam *Hikayat Hang Tuah* dan merumuskan keris sebagai cerminan masyarakat berilmu dalam karya tersebut.

Kajian ini memberi tumpuan kepada *Hikayat Hang Tuah*, sebuah karya epik Melayu daripada Karya Agung Melayu yang sarat dengan nilai budaya, falsafah, dan tradisi yang mendalam. Karya ini dipilih kerana ia bukan sekadar sebuah cerita tetapi juga cerminan cara hidup dan pemikiran masyarakat Melayu tradisional. Sebagai salah satu karya agung sastera Melayu, *Hikayat Hang Tuah* dianggap penting kerana ia merakamkan nilai-nilai keberanian, kehormatan, dan kebijaksanaan yang menjadi teras identiti masyarakat Melayu (Ayu Norazilah et al., 2017). Keris dalam hikayat ini, misalnya, bukan hanya digambarkan sebagai senjata tetapi juga sebagai simbol kuasa, maruah, dan adab yang mencerminkan falsafah kehidupan masyarakat Melayu. Watak Hang Tuah, sebagai pahlawan utama dalam sastera epik ini, memperkukuh peranan keris sebagai elemen penting dalam tradisi Melayu. Hang Tuah tidak hanya dikenal sebagai seorang yang gagah perkasa tetapi juga bijaksana, berbudi, dan

beradab. Melalui wataknya, keris tampil sebagai lebih daripada sekadar alat fizikal – ia adalah simbol keilmuan, keberanian, dan kebijaksanaan yang menggambarkan keperibadian unggul orang Melayu (Norazimah Zakaria dan Mazarul Hasan Mohamad Hanapi, 2016). Dengan memberi fokus kepada watak dan simbolisme keris dalam hikayat ini, kajian ini berusaha mengupas makna mendalam yang terkandung dalam teks tersebut dan bagaimana ia relevan dengan kefahaman kita terhadap warisan Melayu. Kajian ini menggunakan edisi terkini *Hikayat Hang Tuah* yang diterbitkan oleh Yayasan Karyawan dan Dewan Bahasa dan Pustaka (2017) sebagai karya agung. Sehubungan itu, kajian ini diharap dapat menghidupkan semula penghargaan terhadap keris sebagai elemen penting dalam tradisi Melayu, yang menghubungkan nilai-nilai lama dengan cabaran dunia moden. Dengan menjadikan *Hikayat Hang Tuah* sebagai fokus, kajian ini ingin membuktikan bahawa keris bukan hanya simbol masa lampau, tetapi juga cerminan nilai-nilai luhur yang relevan untuk generasi kini.

Sorotan Literatur

Kajian terhadap keris sering kali menggabungkan unsur mistik, sosial dan budaya yang mencerminkannya bukan sahaja sebagai senjata, tetapi objek yang sarat dengan nilai spiritual, identiti dan falsafah hidup masyarakat Melayu. Untuk memudahkan pemahaman dan memperlihatkan kesinambungan wacana keilmuan, sorotan kajian ini dibahagikan kepada tiga tema utama, iaitu keris sebagai objek mistik, keris sebagai simbol sosial dan spiritual dan keris dalam ritual dan budaya Moden. Kajian awal Barat menumpukan kepada aspek mistik keris. Skeat (1900) dalam *Malay Magic* menyatakan bahawa keris dipercayai mempunyai semangat pelindung yang dapat menjaga pemiliknya daripada bahaya. Frey (2015), dalam karya berdasarkan terbitan asal pada tahun 1986, menghidupkan naratif lama bahawa keris mampu bergerak sendiri atau menyerang musuh secara spiritual melalui “kuasa tuju”. Pandangan-pandangan ini memperlihatkan persepsi luar terhadap keris sebagai objek yang memiliki aura dan kuasa luar biasa yang sukar dijelaskan secara logik.


Gardner (1933) dan Williams (1937) pula menjelaskan bahawa keris sering dianggap membawa tuah dan melindungi pemiliknya daripada gangguan ghaib. Williams turut menyatakan bahawa keris tertentu mampu memberi amaran secara halus melalui getaran jika berlaku ancaman. Woolley (1938) pula menyorot aspek pemilihan keris yang bersesuaian dengan pemilik berdasarkan sifat tuah, memperlihatkan bagaimana keris menjadi medium komunikasi halus antara manusia dan unsur spiritual. Dalam konteks ini, Abdul Mua'ti @ Zamri Ahmad (2015) memberikan penjelasan lebih rasional iaitu beliau menegaskan bahawa fenomena seperti “keris berdiri” boleh dijelaskan melalui rekacipta empu keris, dan harus dilihat sebagai tanda kebesaran Ilahi, bukan semata-mata melalui lensa mistik. Kajian terkini oleh Khamis Mohamad (2017), serta Azlina Musa dan Mohd Nasir Hashim (2021) memperlihatkan kesinambungan kepercayaan terhadap keris dalam konteks moden. Kajian mereka menunjukkan bahawa keris masih digunakan dalam upacara perubatan tradisional dan ritual budaya. Dalam sesetengah masyarakat, keris berperanan sebagai pelengkap upacara, medium penyembuhan dan juga penanda status sosial, sekali gus mengekalkan kepentingannya sebagai objek budaya hidup.

Walaupun terdapat pelbagai perspektif terhadap keris sebagai senjata mistik, spiritual dan budaya namun kebanyakan kajian terdahulu lebih menumpukan kepada aspek fizikal dan kepercayaan luarannya. Kajian kurang diberikan perhatian ialah bagaimana keris dimaknai dalam teks sastera tradisional sebagai lambang keilmuan dan kebijaksanaan. Jurang ini memberi ruang kepada kajian ini untuk memperlihatkan keris bukan sekadar sebagai objek kebudayaan, tetapi sebagai simbol pemikiran tinggi dan nilai adab dalam karya agung *Hikayat Hang Tuah*. Pendekatan ini diharapkan dapat mengimbangi antara warisan tradisi dan keperluan pemahaman semula oleh generasi kini.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif menerusi kaedah analisis teks untuk memahami bagaimana keris dalam *Hikayat Hang Tuah* berperanan sebagai cerminan kebijaksanaan dan adab dalam masyarakat Melayu. Kaedah ini dipilih kerana ia seiring dengan usaha untuk merungkai nilai simbolik dan falsafah keris, sesuai dengan permasalahan kajian yang menekankan perlunya pemahaman lebih mendalam terhadap peranan keris sebagai cerminan keilmuan. Beberapa aktiviti kajian dijalankan untuk menyelesaikan objektif pertama. Langkah awal adalah mengenal pasti petikan-petikan penting dalam *Hikayat Hang Tuah* yang menggambarkan peranan keris, sama ada sebagai alat fizikal, simbol kuasa, atau lambang keberanian dan kehormatan. Langkah ini membantu menonjolkan bagaimana keris dipaparkan sebagai lebih daripada sekadar senjata bagi masyarakat Melayu. Aktiviti kedua adalah mengenal pasti pendekatan atau konsep relevan tentang kebijaksanaan adab berhubung penghasilan masyarakat berilmu. Kemudian, bagi menyelesaikan objektif kedua pula, iaitu merumuskan keris sebagai cerminan masyarakat berilmu dalam bahan kajian, aktiviti yang dijalankan adalah menganalisis petikan-petikan mengenai keris dengan mengambil kira konteks budaya dan adat Melayu yang memberikan makna mendalam terhadap keris. Analisis kontekstual ini penting untuk memahami bagaimana nilai-nilai tradisional masyarakat Melayu seperti keberanian, adab, dan maruah digambarkan melalui adab penggunaan keris. Seterusnya, aktiviti yang dijalankan bagi menyelesaikan objektif kedua adalah menghubungkan penemuan-penemuan ini dengan konsep kebijaksanaan adab oleh Muhd Norizam Jamian dan Zubir Idris (2019) berasaskan kerangka pemikiran adab oleh Syed Muhammad Naquib Al-Attas (selepas ini dikenali sebagai Al-Attas). Carta alir penyelidikan yang akhirnya menjurus kepada dapatan kajian adalah seperti Rajah 1 berikut:

Rajah 1: Carta Alir Penyelidikan




Konsep Kebijaksanaan Adab

Konsep kebijaksanaan adab ini berasaskan kepada kerangka pemikiran oleh Al-Attas (2001). Menurut Al-Attas (2001), "adab" adalah pengakuan kepada hak keadaan dan kedudukan seseorang berdasarkan rencana susunan berperingkat martabat dan darjat dalam tabiat semesta. Hal ini bermakna "adab" adalah pengenalan serta pengakuan diri tentang adanya martabat dalam kalangan makhluk dan adanya

darjat pada tiap pernisbahan yang berlaku di dalamnya. Agama Islam merupakan agama yang amat menitikberatkan isu adab dan akhlak dalam kehidupan dan merupakan keseimbangan perhubungan antara manusia dengan Pencipta (*hablumminallah*) dan sesama manusia (*hablumminannas*) dituntut agar pembentukan adab bagi mencapai matlamat insan yang sempurna dapat direalisasikan. Sebagaimana firman Allah SWT dalam surah Al-Ahzab (33: 21) iaitu, “Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah SAW itu contoh ikutan yang baik”. Hal ini bermakna Rasulullah SAW merupakan contoh teladan yang terbaik sehingga diberikan gelaran al-Amin oleh masyarakat kerana sentiasa menampilkan akhlak yang mulia dan jujur dalam setiap tingkah laku dan pertuturan Baginda. Sifat-sifat mulia yang ditampilkan oleh Rasulullah SAW wajib dijadikan contoh dalam mencerminkan akhlak yang sempurna sebagai seorang hamba Allah SWT yang beradab. Al-Attas (2001) menambah bahawa pembinaan akhlak yang terpuji dan adab dalam diri akan melahirkan ‘insan adabi’ yang bermakna individu yang memiliki sifat-sifat terpuji dari segi material dan spiritual atau jasmani dan rohani. Hakikatnya terdapat empat prinsip utama yang perlu disemat dalam setiap individu untuk mencapai tahap insan adabi, iaitu ilmu, kebijaksanaan, keadilan, dan juga amal ihsan. Keempat-empat prinsip ini membentuk adab seorang insan beradab (adabi) dalam mengecapi kesempurnaan ibadah untuk memperoleh keberkatan dan keredhaan daripada Allah SWT seperti Rajah 2 berikut:

Rajah 2: Konsep Insan Adabi Menurut Syed Muhammad Naquib Al-Attas (2001)



Berdasarkan Rajah 2 di atas, didapati ilmu merupakan unsur yang pertama diketengahkan dalam konsep tersebut. Ini adalah kerana kepentingannya sebagai asas dalam kehidupan manusia serta ketinggian darjat individu yang berilmu di sisi Allah SWT. Menerusi ilmu, seorang individu dapat berfikir secara rasional dalam kehidupannya. Tambahan pula, ilmu yang bermanfaat dan penuh hikmah akan menyerlahkan kebijaksanaan diri seseorang individu itu. Secara tidak langsung, kebijaksanaan ini akan memandu individu untuk melakukan sesuatu tindakan yang penuh berhemah dan meletakkan sesuatu pada tempat yang benar (adil) (Muhd Norizam Jamian & Zubir Idris, 2019). Sifat adil dalam diri seseorang amat penting agar semua tindakannya dapat berpaksikan kebenaran. Hal ini menunjukkan bahawa prinsip keadilan turut berkait rapat dengan prinsip ilmu dan kebijaksanaan dalam melahirkan insan beradab (insan adabi). Penelitian terhadap Kesusasteraan Melayu Tradisional mendapati pembinaan ‘insan beradab’ amat dititikberatkan dalam setiap genre. Sebagaimana pendapat Al-Attas (2011: 64) bahawa, “Kesusasteraan itu mencerminkan tamadun yang merupakan kehidupan intelek” dapat dijelaskan berdasarkan petikan berikut:

“Konsep kesusasteraan itu sebenarnya harus direnungkan sebagai merangkum tulisan yang merangkumi bidang kebudayaan termasuk hasil agama, falsafah, sejarah, hukum dan undang-undang, serta adat istiadat, kesenian; ia menjelaskan sifatnya dalam mitos, dongeng, hikayat baikpun dalam bentuk epik, roman dan lain-lain lagi, dalam prosa dan puisi dan tentu juga memasuki bidang-bidang pemikiran politik dan pendidikan-pendek kata ia meliputi bidang-bidang ilmiah yang dikaji dalam rangka ilmu-ilmu kemanusiaan dan kemasyarakatan”.


(Al-Attas, 2011, p. 64)

Sehubungan itu, unsur-unsur kebijaksanaan yang diterapkan di dalam Kesusasteraan Melayu Tradisional khususnya Karya Agung Melayu merangkumi nilai-nilai murni, kata-kata dan tingkah laku dalam menunjukkan kebenaran dalam aspek pemikiran, perbuatan dan sikap individu. Ini menjustifikasikan pemilihan sebuah karya daripada Karya Agung Melayu, iaitu *Hikayat Hang Tuah* yang sarat dengan penceritaan adab wira dan kepahlawan agar dapat dibuktikan konsep kebijaksanaan adab berdasarkan senjatanya iaitu keris.

Al-Quran membuktikan bahawa Nabi Adam AS adalah sebaik-baik makhluk yang diciptakan Allah SWT di atas muka bumi ini sebagaimana firman-Nya, “Sesungguhnya kami telah menciptakan manusia dalam bentuk sebaik-baiknya.” (Surah At-Tin, 95: 4). Baginda telah dibekalkan oleh Allah SWT dengan pelbagai jenis ilmu untuk menjadi khalifah di muka bumi ini sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud, “Dan Dia mengajarkan kepada Adam nama-nama (benda) seluruhnya” (Surah Al-Baqarah, 2: 31). Kebijaksanaan Nabi Adam terserlah apabila Baginda mampu menerangkan nama-nama yang diminta oleh malaikat. Hal ini jelas menunjukkan bahawa asas kesejahteraan dan keharmonian dalam kehidupan manusia di muka bumi ini adalah berilmu pengetahuan. Tambahan pula, individu yang berilmu dapat menyerlahkan pemikiran yang kritis dan berkualiti berserta cerminan akhlak oleh ketinggian ilmunya itu (Al-Attas 1977).

Konsep pemikiran adab oleh Al-Attas (2001) dalam konteks kebijaksanaan telah diperjelaskan dengan rinci oleh Muhd Norizam Jamian dan Zubir Idris (2019). Mereka mendefinisikan ‘kebijaksanaan’ sebagai satu perjalanan jiwa manusia kepada kesempurnaan hakiki dalam melewati batas-batas ilmu dan amal (Muhd Norizam Jamian dan Zubir Idris 2019). ‘Kebijaksanaan’ juga merupakan suatu proses dalam jiwa yang dapat menjustifikasikan sesuatu perlakuan sama ada benar dan salah. Inilah ‘kebijaksanaan’ yang dituntut oleh Islam hasil kemantapan ilmu agar setiap tindakan yang dizahirkan penuh dengan unsur hikmah. Hakikatnya ‘kebijaksanaan’ mempunyai ruang lingkup yang luas dan membawa maksud ketetapan dalam perkataan serta amalan, kefahaman, penulisan, kebaikan agama dan dunia, ilmu anugerah, serta penyingkapan rahsia untuk mendapatkan ilham (Mat Rofa Ismail, 2009). Justeru, konsep kebijaksanaan adab yang dijelaskan oleh Muhd Norizam Jamian dan Zubir Idris (2019) meliputi empat elemen penting iaitu ilmu, budi pekerti, kebenaran dan mengangkat martabat insan seperti dalam Rajah 3 di bawah:

Rajah 3: Konsep Kebijaksanaan Adab oleh Muhd Norizam Jamian dan Zubir Idris (2019)



Walau bagaimanapun berdasarkan Rajah 3 di atas, kajian ini hanya akan berfokuskan kepada satu elemen sahaja, iaitu *ilmu* menggunakan bahan kajian *Hikayat Hang Tuah*. Kerangka yang dikemukakan oleh Muhd Norizam Jamian dan Zubir Idris (2019) ini meletakkan *ilmu* bukan hanya sebagai sumber utama kepada perkembangan minda individu tetapi turut merujuk kepada pengetahuan yang membentuk kebijaksanaan dalam tindakan, sikap dan pertuturan. Hal ini bermakna ilmu merupakan asas kepada pembentukan budi pekerti yang luhur dan panduan dalam menegakkan kebenaran demi mengangkat martabat insan dalam masyarakat. Tradisi kesusasteraan Melayu tradisional menempatkan *ilmu* sebagai elemen yang amat penting dalam membentuk peribadi seorang wira bangsa. Justeru dalam *Hikayat Hang Tuah*, nilai ilmu terserlah menerusi tindakan Hang Tuah yang

sentiasa mempertimbangkan adab, kesetiaan, serta pertimbangan akal dalam menghadapi cabaran. Ilmu dalam konteks ini melangkaui aspek kognitif semata-mata dan mencakupi kebijaksanaan praktikal (*practical wisdom*) berlandaskan prinsip adab Melayu. Sebagaimana yang dihuraikan oleh Muhammad Haji Salleh (1991) dalam *The Mind of the Malay Author*, pengarang Melayu klasik sering menekankan pentingnya gabungan antara ilmu, adab, dan amanah dalam menggambarkan sosok kepimpinan ideal. Oleh itu, kajian ini akan memfokuskan analisis kepada peranan ilmu dalam membentuk tindakan dan keputusan Hang Tuah, serta hubungannya dengan kebijaksanaan adab sehingga berupaya mengangkat nilai bangsa dan budaya ke tahap tertinggi.

Analisis Data dan Perbincangan

Perkembangan sains, teknologi, ketamadunan bangsa dan budaya dalam sesebuah masyarakat berakar daripada ketinggian ilmu pengetahuan yang dimiliki. Ilmu dalam konteks kerangka konsep Kebijaksanaan Adab (Muhd Norizam Jamian & Zubir Idris, 2019) bukan hanya merujuk kepada pengetahuan yang luas, tetapi berfungsi sebagai asas pembentukan kebijaksanaan dan adab segala tindakan individu. Berteraskan ilmu, individu mampu membuat keputusan yang waras dan beretika dalam mempertimbangkan kesan setiap tindakan yang dilakukan kepada diri dan masyarakat. Bersumberkan karya Kesusasteraan Epik seperti *Hikayat Hang Tuah*, ilmu menjadi teras kepada pembentukan peribadi wira yang beradab dan berbudi pekerti. Ilmu berhubung keris sebagai senjata agung masyarakat Melayu tidak hanya merangkumi teknik pertahanan diri, tetapi juga meliputi adab penggunaan, simbolisme maruah, serta peranan keris dalam hubungan sosial (Swettenham, 1899). Ini bermakna penguasaan ilmu ini melatih seseorang individu agar bertindak dengan bijaksana, mengawal emosi dan akhirnya mampu menjaga kehormatan dalam pelbagai situasi. Berdasarkan aplikasi konsep Kebijaksanaan Adab, dapatan kajian ini merumuskan bahawa keris dalam *Hikayat Hang Tuah* memperlihatkan aspek ilmu melalui empat peranan utama:

- i. Keris sebagai bekalan dalam menimba ilmu
- ii. Keris dalam pengendalian situasi genting
- iii. Keris sebagai alat diplomasi dan komunikasi
- iv. Keris dan keilmuan Pandai Besi
- v. Keris dan strategi kepahlawanan

Secara keseluruhannya, analisis ini membuktikan bahawa dalam *Hikayat Hang Tuah*, ilmu tentang keris memperlihatkan aplikasi konsep Kebijaksanaan Adab, di mana ilmu menjadi landasan kepada tindakan beradab, pembuatan keputusan bijaksana, dan pemeliharaan maruah individu serta bangsa.

Keris Sebagai Bekalan Dalam Menimba Ilmu

Masyarakat Melayu tradisional percaya bahawa individu yang ingin menimba ilmu perlu mendapat restu daripada kedua ibubapa menerusi pemberian simbolik seperti keris. Berdasarkan *Hikayat Hang Tuah*, Hang Tuah dan sahabat-sahabatnya diberikan keris oleh ibu bapa mereka sebelum memulakan perjalanan untuk berguru. Berikut adalah petikan penting yang menggambarkan peristiwa ini:

'Maka masing-masing pun kembali ke rumahnya memberitahu ibu bapanya. Maka kata ibu bapanya, "Baiklah bicaramu kelima bersaudara itu; yang kehendak bapa pun demikianlah." Maka segala ibu bapanya pun berlengkaplah beras bekal akan anaknya. Maka Hang Tuah pun diberi oleh bapanya sebilah keris dan sebilah parang, dan Hang Jebat dan Hang Kasturi dan Hang Lekir dan Hang Lekiu pun demikian juga diberi oleh ibu bapanya. Setelah sudah lengkap, maka kelima bersahabat pun bermohonlah pada ibu bapanya lalu naik perahu.'

(*Hikayat Hang Tuah*, 2017, p. 25)

Berdasarkan petikan, dapat dijelaskan bahawa keris merupakan salah satu bekalan penting dalam menuntut ilmu. Pemberian keris-keris tersebut kepada Hang Tuah lima bersaudara menggambarkan bahawa mereka telah bersedia dengan ilmu tentang adab penggunaan keris. Hal ini kerana sangat mustahil bagi ibu bapa untuk membekalkan senjata sewenang-wenangnya kepada anak-anak, apatah lagi sebagai peralatan untuk tujuan berguru. Keyakinan ibu bapa mereka terhadap kelimuan yang ada pada lima bersaudara dalam adab penggunaan keris telah mendorong kepada situasi ini. Sekiranya keris merupakan senjata yang merbahaya dan hanya digunakan untuk berlawan, adalah sangat mustahil untuk keris dijadikan sebagai bekalan bagi menghadap guru khususnya dalam tujuan menimba ilmu. Justeru, petikan tersebut berjaya membuktikan bahawa penggunaan keris mencerminkan kelimuan yang ada pada masyarakat sama ada golongan tua atau muda. Selain itu, dapat dilihat bahawa keris turut menyampaikan sebuah mesej terhadap keizinan atau restu daripada ibu bapa, seterusnya mencerminkan ketinggian ilmu dan adab masyarakat dalam menyerahkan anak mereka kepada seorang guru untuk tujuan menimba ilmu.

Keris Dalam Pengendalian Situasi Genting

Episod di negeri Bentan adalah satu contoh yang memperlihatkan kebijaksanaan Hang Tuah dalam menggunakan keris. Ketika menghadapi situasi genting menghadapi orang mengamuk, Hang Tuah memilih untuk menggunakan kapak dan bukan keris. Berikut adalah petikan penting yang merakamkan peristiwa ini:

“Sebermula maka terdengar kepada Hang Jebat, Hang Kasturi, Hang Lekir, Hang Tuah mengembari orang mengamuk itu; maka ia pun segera berlari-lari datang mendapatkan Hang Tuah. Maka setelah sampai maka ia bertemu dengan Hang Tuah. Maka kata Hang Jebat, Hang Kasturi, ‘Sungguhkah sahabatku mengembari orang mengamuk dengan kapak?’ Maka Hang Tuah tersenyum seraya berkata, ‘Sungguh adinda, tetapi bukan orangnya yang mengamuk itu. Sayang-sayang tangan mengembari dengan keris; patutnyalah dengan kapak atau kayu.’”

(*Hikayat Hang Tuah*, 2017, p. 35-36)

Berdasarkan situasi tersebut, dapat dijelaskan bahawa keris tidak wajar digunakan secara sebarangan, apatah lagi mengikut hawa nafsu seperti yang dilakukan oleh orang yang mengamuk tersebut. Peristiwa ini menjelaskan bahawa keris perlu digunakan secara berilmu dan bukan untuk keganasan. Dengan ilmu mengenai adab penggunaan keris yang ada pada Hang Tuah, maka beliau hanya menggunakan kapak untuk berlawan dengan orang yang mengamuk tersebut. Menurut peristiwa dan perilaku yang digambarkan telah membuktikan masyarakat Melayu memiliki ilmu dan adab yang tinggi terhadap penggunaan keris walaupun berhadapan dengan situasi yang genting seperti itu. Hal ini jelas membuktikan bahawa keris berada di dalam kelas yang tersendiri dan mempunyai tatacara dalam pemakaian serta penggunaannya terutamanya bagi masyarakat tradisional. Justeru, perkara ini telah mencerminkan kebijaksanaan adab masyarakat Melayu tentang ilmu penggunaan serta pemakaian keris.

Keris Sebagai Alat Diplomasi

Selain daripada itu, kebijaksanaan adab terhadap keris ini turut dapat dilihat dari segi cara pengendaliannya. Hal ini adalah kerana keris bukan sahaja sebagai senjata tetapi juga sebagai alat diplomasi dan komunikasi. Semasa Hang Tuah dan rakan-rakannya berada di Majapahit, mereka menggunakan keris untuk menyampaikan mesej penting tanpa menggunakan sebarang kata-kata. Perkara ini dapat dijelaskan daripada petikan dalam *Hikayat Hang Tuah* apabila Temenggung, Patih Kerma Wijaya, Hang Tuah, Hang Jebat, Hang Kasturi, Hang Lekir dan Hang Lekiu saling memahami

tindakan dan pergerakan masing-masing tanpa hilang kewarasan dalam majlis keramaian seperti dalam petikan berikut:

'Maka Seri Betara pun terlalu sukacita melihat orang bermain itu. Maka Patih Gajah Mada pun berasa mabuklah. Maka akan Temenggung, ulu kerisnya dipegang-pegangnya. Maka Patih Kerma Wijaya pun menyelak penduanya beringat, kerana ia duduk dekat Patih Gajah Mada. Maka Tun Tuah pun tersenyum sambil mengurai rantai keris panjangnya dan penduanya, disendalnya dengan sikunya dikanannya. Setelah dilihat oleh Hang Jebat dan Hang Kasturi, Hang Lekir, Hang Lekiu kelakuan Patih itu, maka keempatnya orang itu menyelak penduanya, dan keris panjangnya pun dipegangnya dengan tangan kanan. Maka semuanya kelakuan itu dilihat oleh Seri Betara Majapahit. Maka Seri Betara pun fikir di dalam hatinya, 'Terlalu sekali ingatnya orang enam ini. Demikianlah hendaknya orang yang disuruh oleh tuannya: seperti telur sepeti, pecah sebuah pecah semuanya.' Maka Seri Betara pun berangkat masuk. Maka Patih Kerma Wijaya dan Tun Tuah pun kembalilah.'

(*Hikayat Hang Tuah*, 2017, p. 121)

Berdasarkan petikan di atas, keris digunakan bukan untuk tujuan kekerasan tetapi sebagai simbol komunikasi yang mencerminkan kefahaman mendalam tentang adab dan kebijaksanaan (Khamis Mohamad dan Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman, 2013). Penggunaan keris dalam konteks ini menunjukkan bahawa ia bukan sahaja alat fizikal tetapi juga medium simbolik yang mencerminkan nilai-nilai luhur masyarakat Melayu. Episod ini juga menunjukkan bahawa keris digunakan untuk menjaga keharmonian, bukan untuk mencetuskan konflik. Mesej yang disampaikan melalui gerakan keris menunjukkan kehalusan budaya Melayu dalam berkomunikasi dan menyelesaikan isu-isu yang rumit tanpa menimbulkan kekecohan.

Keris dan Keilmuan Pandai Besi

Salah satu aspek yang kurang mendapat perhatian dalam kajian sebelum ini ialah keilmuan di sebalik penciptaan keris. Menerusi *Hikayat Hang Tuah*, peranan pandai besi sebagai individu berilmu terserlah dalam episod di mana raja menitahkan seorang pandai besi untuk menempa keris khas untuk Hang Tuah. Petikan di bawah menggambarkan keadaan ini:

"Pada ketika itu juga baginda menitahkan pandai besi yang tua seorang berbuat keris panjang sebilah akan pakaian Hang Tuah: dua puluh perkara besi dilakurkan dan sebahara besi diausi jadi sebilah keris panjang."

(*Hikayat Hang Tuah*, 2017, p. 43-44)

Proses penciptaan keris bukan sahaja melibatkan kemahiran teknikal, tetapi juga kefahaman mendalam tentang simbolisme dan keperibadian pemiliknya. Pandai besi bertindak seperti seorang seniman dan ahli falsafah sehingga dapat menghasilkan keris yang mencerminkan nilai budaya dan falsafah masyarakat yang tinggi. Tambah mengagumkan keris yang ditempa khas untuk Hang Tuah menunjukkan bahawa senjata ini adalah simbol penghormatan dan ketinggian maruah seorang wira Melayu. Penggunaan pelbagai jenis besi untuk menempa keris menandakan keilmuan pandai besi dalam memilih bahan yang sesuai untuk menghasilkan keris yang bukan sahaja berfungsi secara fizikal tetapi juga membawa makna simbolik yang mendalam.

Keris dan Strategi Kepahlawanan

Pertarungan dalam karya epik ini memperlihatkan kebijaksanaan wira Melayu dalam menggunakan keris sebagai alat strategi berdasarkan peristiwa pertikaman Hang Tuah dengan Taming Sari. Dengan menggunakan helah, Hang Tuah berjaya mendapatkan keris Taming Sari tanpa perlu bertarung secara langsung. Petikan berikut menjelaskan situasi ini:

“Adapun kulihat kerismu itu tiada kukuh, ambil kerisku pendua ini supaya kita kedua mengamuk ke dalam istana Betara Majapahit.” Setelah Taming Sari mendengar kata Tun Tuah demikian itu – pada bicara hatinya sungguh seperti kata Tun Tuah itu – kata Taming Sari, ‘Jikalau sungguh seperti katamu itu, marilah kerismu itu dahulu kulihat, supaya aku percaya.’ Maka Tun Tuah pun segera menghunus keris penduanya dengan sarungnya lalu diunjukkannya kepada Taming Sari.”

(*Hikayat Hang Tuah*, 2017, p. 155-156)

Helah ini menunjukkan kebijaksanaan Hang Tuah dalam memahami simbolisme keris dan memanfaatkan situasi dengan bijak. Apatah lagi dalam budaya Melayu, keris bukan hanya alat untuk bertarung tetapi juga lambang kebijaksanaan yang dapat digunakan untuk mencapai matlamat tanpa menggunakan kekerasan. Melalui petikan-petikan di atas dapat disimpulkan bahawa keris adalah elemen penting dalam budaya Melayu yang berfungsi menghubungkan antara dunia material dan spiritual. Jelaslah bahawa senjata ini bukan sekadar alat pertahanan tetapi juga cerminan nilai luhur yang mengangkat maruah masyarakat Melayu. Justeru dengan memahami simbolisme keris seperti yang digambarkan dalam *Hikayat Hang Tuah*, penghargaan terhadap warisan budaya Melayu dapat dihidupkan dan disesuaikan agar tidak hilang ditelan arus zaman. Analisis ini sejajar dengan objektif kajian untuk menganalisis penggunaan keris dan merumuskan keris sebagai cerminan masyarakat berilmu, sekaligus memperkukuhkan kedudukannya sebagai warisan agung yang kekal relevan sepanjang zaman.

Kesimpulan

Berdasarkan analisis terhadap petikan-petikan mengenai keris dalam *Hikayat Hang Tuah* (2017), kajian ini berjaya mencapai objektif untuk mengenal pasti peranan keris sebagai cerminan kebijaksanaan adab dan keilmuan masyarakat. Hasil analisis menunjukkan bahawa keris bukan semata-mata berfungsi sebagai alat pertahanan diri, tetapi turut melambangkan kedalaman ilmu, pemikiran yang bijaksana serta adab tinggi dalam kehidupan seharian. Berdasarkan kerangka konsep Kebijaksanaan Adab (Muhd Norizam Jamian & Zubir Idris, 2019), ilmu bukan sahaja melibatkan penguasaan maklumat tetapi membentuk keupayaan individu berfikir dengan waras, bertindak dengan adil dan beradab. Aspek ini jelas diterapkan melalui penggunaan keris dalam masyarakat Melayu yang memperlihatkan penerapan ilmu dengan nilai moral, keseimbangan akal dan keperibadian mulia. Beberapa petikan daripada *Hikayat Hang Tuah* memperlihatkan bahawa masyarakat Melayu tradisional bukan sahaja berilmu, tetapi mampu menzahirkan ilmu tersebut dalam bentuk adab dan tindakan berhemah. Ini menegaskan bahawa penggunaan keris tidak dapat dipisahkan daripada prinsip tanggungjawab, amanah, dan kebijaksanaan. Keris menjadi simbol hubungan manusia dengan dirinya sendiri, masyarakat sekeliling dan Tuhan (Allah SWT) selaras dengan pemahaman bahawa ilmu membentuk insan yang beradab. Justeru, didikan tentang ilmu dan adab penggunaan keris yang diwarisi ini amat relevan untuk diketengahkan kepada generasi kini khususnya dalam menghadapi cabaran kemerosotan nilai adab dalam kehidupan masyarakat moden. Kesimpulannya, kajian ini telah membuktikan bahawa keris merupakan manifestasi nilai keilmuan, keadilan, dan kesantunan dalam budaya Melayu. Keberadaan keris sebagai cerminan masyarakat berilmu berasaskan adab menunjukkan betapa pentingnya warisan ini dipelihara dan dimanfaatkan untuk memperkasakan peradaban masa kini dan akan datang.

Rujukan

- Abdul Mua'ti @ Zamri Ahmad. (2015). *Keris Melayu Semenanjung: Suatu pengenalan*. Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Al-Attas, S. M. N. (1977). *Islam: Faham agama dan asas akhlak*. Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM).
- Al-Attas, S. M. N. (1993). *Islam and secularism*. International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC).
- Al-Attas, S. M. N. (2001). *Risalah untuk kaum Muslimin*. Institut Antarabangsa Pemikiran dan Tamadun Islam.
- Al-Attas, S. M. N. (2011). *Islam dalam sejarah dan kebudayaan Melayu*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Amri Marzali. (2021). Isu ketuanan Melayu di Malaysia. *Jurnal Pengajian Melayu (JOMAS)*, 32(2), 1–16.
- Arba'iyah Ab. Aziz. (2021). Songket Melayu: Serumpun bangsa, sesantun budaya. *Jurnal Pengajian Melayu (JOMAS)*, 32(2), 57–73.
- Ayu Norazilah, Ali Haniffa, & Wayu Nor Ashikin. (2017). Hang Tuah lambang peradaban bangsa Melayu. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah, Special Issue*, 20–34. https://myjurnal.mohe.gov.my/filebank/published_article/101081/03.pdf
- Azlina Musa, & Mohd Nasir Hashim. (2021). *Magis keris*. Penerbit Universiti Malaysia Terengganu.
- Braginsky, V. I. (2004). *The heritage of traditional Malay literature: A historical survey of genres, writings and literary views*. NUS Press.
- Drewes, G. W. J. (1968). New light on the coming of Islam to Indonesia? *Bijdragen tot de Taal-, Land- en Volkenkunde*, 124(4), 433–459. <https://doi.org/10.1163/22134379-90002862>
- Frey, E. (2015). *The kris: Mystic weapon of the Malay world* (3rd ed.). Institut Terjemahan dan Buku Malaysia Berhad.
- Gardner, G. B. (1933). Notes on two uncommon varieties of the Malay kris. *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society*, 11(2 [117]), 178–182. <http://www.jstor.org/stable/41559813>
- Haryono Haryoguritno. (2005). *Keris Jawa: Antara mistik dan nalar*. PT Indonesia Kebanggaanku.
- Kassim Ahmad, & Noriah Mohamed. (2017). *Hikayat Hang Tuah*. Dewan Bahasa dan Pustaka & Yayasan Karyawan.
- Khamis Mohamad, Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman, & Abdul Latif Samian. (2012). Falsafah perkerisan dalam masyarakat Melayu. *International Journal of the Malay World and Civilisation (IMAN)*, 30(1), 105–119. <https://journalarticle.ukm.my/5489/>

- Khamis Mohamad, Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman, Abdul Latif Samian, & Zuliskandar Ramli. (2012). Keris: Artifak kejuruteraan spiritual Melayu. *Prosiding Seminar Antarabangsa Arkeologi, Sejarah dan Budaya di Alam Melayu*. <https://ejournal.ukm.my/jatma/article/view/74632>
- Khamis Mohamad, & Nik Hassan Shuhaimi Nik Abdul Rahman. (2013). Keris: Falsafah dan isu masa kini. *International Journal of the Malay World and Civilisation (IMAN)*, 1(2), 45–53. https://www.ukm.my/jatma/wp-content/uploads/makalah/IMAN_12_Mei_2013_-_05.pdf
- Mat Rofa Ismail. (2009, Julai). Ilmu hikmah dalam kajian etnosains dan etnomatematik alam Melayu. *Seminar Bulanan Etnomatematik Rumpun Melayu*. <https://www.scribd.com/document/46455041/>
- Muhd Norizam Jamian, & Zubir Idris. (2019). Kebijaksanaan adab dalam Hikayat Melayu tradisional. *Akademika*, 89(Isu Khas), 81–91. <https://journalarticle.ukm.my/14994/>
- Nor Asma Ab Aziz, & Muhd Norizam Jamian. (2016). Akhlak pemimpin dalam Hikayat Iskandar Zulkarnain: Satu analisis pendekatan adab. *Jurnal Melayu*, 15(1), 27–46. <https://journalarticle.ukm.my/9957/>
- Norazimah Zakaria, & Mazarul Hasan Mohamad Hanapi. (2016). Konsep taat setia sebagai petunjuk masa depan melalui karya agung sebagai model jati diri bangsa Melayu. *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship (GBSE)*, 2(2), 173–182. <https://www.researchgate.net/publication/307476455>
- Sheppard, M. (1972). *Taman Indera: A royal pleasure ground—Malay decorative arts and pastimes*. Oxford University Press.
- Siti Normala Hamzah, Mohamad Saleeh Rahamad, & Md Azalan Shah Md Syed. (2020). Pencitraan keris sebagai kiasan keindahan budaya Melayu dalam filem Rahim Razali. *Ideology Journal*, 5(1), 165–178. <https://doi.org/10.24191/idealogy.v5i1.192>
- Skeat, W. W. (1900). *Malay magic: Being an introduction to the folklore and popular religion of the Malay Peninsula*. Macmillan & Co.
- Swettenham, F. A. (1899). *Real Malay*. Ballantyne Press.
- Wan Mohd Dasuki Wan Hasbullah, Eizah Mat Hussain, & Mohd Taufik Arridzo Mohd Balwi. (2021). Teks Ubat Bedil: Pengetahuan tekstual tentang Ubat Bedil Melayu. *Jurnal Pengajian Melayu (JOMAS)*, 32(2), 134–147.
- Williams, G. C. G. (1937). Suggested origin of the Malay keris and of the superstitions attaching to it. *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society*, 15(3 [129]), 127–141. <http://www.jstor.org/stable/41559898>
- Woolley, G. C. (1938). Keris measurements. *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society*, 16(2 [131]), 44–46. <http://www.jstor.org/stable/41559924>